

aab

Kemuncak - Mahathir

MAHATHIR DUKACITA DENGAN KEHADIRAN PADA MESYUARAT G-15

Daripada Ali Mamat

NEW DELHI, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dukacita kerana kuorum untuk persidangan kemuncak keempat Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) yang bermula di sini semalam tidak mencukupi.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia yang meliputi persidangan itu di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, walaupun pengakuan telah dibuat sebelum ini bahawa sekurang-kurangnya 10 ketua kerajaan akan menghadirinya, pada akhirnya hanya enam daripada mereka berbuat demikian.

Ketua-ketua kerajaan yang hadir pada persidangan tiga hari itu selain Dr Mahathir ialah Presiden Suharto (Indonesia), Presiden Abdou Diouf (Senegal), Presiden Sani Abacha (Nigeria), Presiden Robert Mugabe (Zimbabwe) dan Perdana Menteri tuan rumah Narashima Rao.

Ketua-ketua kerajaan yang tidak hadir ialah dari Mesir, Venezuela, Brazil, Jamaica, Mexico, Peru, Chile dan Algeria. Pengerusi G-15 akan datang, Presiden Carlos Menem dari Argentina akan hanya hadir pada hari terakhir.

Antara alasan yang diberikan oleh mereka yang tidak hadir ialah masalah tertentu dalam negara masing-masing. -- Laqi.

▼29/03/14-49MST

CNS4654

R GB 29-03 00136 BA703

aab

Kemuncak - Mahathir 2 New Delhi

Dr Mahathir berkata bagaimanapun para pemimpin yang hadir betul-betul serius untuk menjayakan segala program G-15.

Katanya, persidangan kali ini telah dapat merumus satu formula bagi mengatasi masalah tidak cukup kuorum itu dengan memutuskan bahawa ia dikurangkan daripada 10 kepada lapan.

Daripada lapan itu, sekurang-kurangnya lima ketua kerajaan mesti hadir manakala tiga lagi mestilah terdiri daripada Pemandu, Naib atau Timbalan ketua-ketua kerajaan berkenaan.

Menurut Dr Mahathir, keputusan itu akan dimaklumkan kepada semua negara yang terbabit. Beliau yakin keputusan itu akan memudahkan kehadiran ketua-ketua kerajaan pada persidangan-persidangan akan datang.

Ketika ditanya sama ada kegagalan sesetengah pemimpin itu menghadiri persidangan kali ini mencerminkan tahap komitmen masing-masing terhadap G-15, Dr Mahathir berkata sebilangan besar daripada mereka masih mempunyai komitmen. -- Laqi.

▼29/03/14-52MST

CNS4661

R GB 29-03 00114 BA704

aab

Kemuncak - Mahathir 3 (Akhir) New Delhi

"Daripada surat-surat dan perwakilan yang mereka hantar yang kebanyakan terdiri daripada menteri luar, saya nampak sebilangan besar daripada mereka mempunyai komitmen.

"Walaupun ada yang tidak menghantar wakil sama-sekali, enam negara menghantar perwakilan peringkat tinggi. Jadi jelas bahawa majoriti tetap mempunyai komitmen," katanya.

Dr Mahathir mengakui bahawa bukan sesuatu yang mudah untuk mendapatkan kesemua 15 ketua kerajaan negara anggota melapangkan masa untuk berjumpa secara serentak.

Mengenai cadangan agar persidangan kemuncak itu diadakan dua tahun sekali, Perdana Menteri berkata, majoriti ketua negara yang hadir nampaknya mahu ia dikekalkan setahun sekali seperti sekarang. -- Bernama.

AM NMO